

13 JUN 2000

Mahathir-Tribunal

TRIBUNAL SIASAT KETUA HAKIM NEGARA TAK PERLU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak nampak perlunya diwujudkan tribunal untuk menyiasat dakwaan terhadap Ketua Hakim Negara Tun Eusoff Chin.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat ada agenda politik di sebalik cadangan itu dan ia adalah satu percubaan untuk melucutkan jawatan seorang yang menjadi Ketua Hakim Negara.

"Saya fikir ada usaha politik di belakang, ada niat yang tidak baik untuk melaga-lagakan kerajaan dengan hakim supaya apabila hakim marah, mereka harap hakim akan membuat keputusan yang merugikan kerajaan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, sekembalinya dari lawatan kerja selama seminggu ke Jepun.

Dr Mahathir telah diminta mengulas cadangan Badan Peguam Malaysia untuk mengadakan mesyuarat bagi mengundi satu cadangan supaya ditubuhkan sebuah tribunal atau suruhanjaya siasatan diRaja untuk menyiasat dakwaan terhadap Eusoff berhubung percution beliau di New Zealand.

Kontroversi itu timbul selepas Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim mengulas dalam satu wawancara di Australia pada 30 Mei lepas mengenai sskeping gambar yang disiarkan dalam internet yang menunjukkan Eusoff dengan seorang peguam dari Malaysia, Datuk V. K Linggam semasa percution itu.

Perdana Menteri berkata undang-undang atau perlembagaan negara telah menetapkan prosedur tertentu untuk membolehkan seseorang hakim itu ditamatkan perkhidmatan.

"Saya tak tahu proses tribunal yang dicadangkan ini mengikut atau tidak mengikut undang-undang atau perlembagaan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata pada masa lepas apabila kerajaan mengambil tindakan melucutkan jawatan (ketua hakim negara), Majlis Peguam telah mengecamnya.

"Sekarang mereka nak satu hakim yang memihak kepada mereka, sama jugalah tuduhan kalau mereka menuduh kita menjatuhkan seorang hakim kerana kita tak bersetuju dengannya, ini nampaknya mereka juga sanggup berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak pernah bersungut walaupun banyak keputusan mahkamah tidak memihak kepadanya atau parti kerajaan.

"Kita tak pernah komplek, kita terima sahaja kerana kita percaya kepada kebebasan kehakiman, tapi nampaknya sementara orang yang tuduh kita ini tak beri kebebasan kepada hakim, mereka nak supaya kebebasan hakim itu dikongkong oleh mereka," katanya

Ditanya mengenai permintaan Presiden Chechnya Aslan Maskhadov supaya Dr Mahathir menjadi orang tengah untuk membolehkan Rusia dan Chechnya memulakan perundingan bagi mengakhiri konflik Chechnya, beliau berkata beliau mahu mengkaji apa yang boleh dilakukan, peranan yang boleh dimainkan Malaysia.

"Kita cintakan keamanan dan oleh itu jika ada yang boleh kita lakukan untuk memberi sumbangan ke arah penyelesaian damai, kita akan melakukan yang terbaik," katanya.

Ditanya bagaimana beliau boleh membantu Maskhadov yang masih bersembunyi di kawasan pergunungan, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh menyelesaikan masalah itu, saya rasa beliau perlu melakukannya sendiri atau mungkin beliau boleh menghantar utusan," katanya.

Maskhadov dalam satu perbualan telefon dengan Bernama dari persembunyiannya di Chechnya, telah berkata beliau akan berbesar hati kepada Dr Mahathir jika perdana menteri dapat membawa kedua-dua pihak yang bertelagah memulakan proses rundingan.

Mengenai lawatannya ke Jepun, Dr Mahathir berkata beliau antara lain telah berjumpa dengan Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori dan pada masa yang

sama menghadiri upacara memorial untuk mendiang perdana menteri Jepun Keizo Obuchi.

Beliau juga berpeluang melihat industri di Jepun yang ada relevan di Malaysia dan ia memberi banyak idea kepadanya, "saya harap idea ini berguna untuk Malaysia."

Ditanya mengenai sambutan pelabur Jepun untuk datang ke Koridor Raya Multimedia (MSC), katanya mereka menunjukkan minat.

-- BERNAMA

AFY HS RON